

31/10/1997

Ramai akui kebenaran kritikan Dr M

SEJAK akhir-akhir ini Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering diselar kerana kritikkannya terhadap spekulasi berlebihan sehingga menyebabkan kegawatan di pasaran mata wang dan saham di rantau ini.

Bagaimanapun, penganalisis berkata serangan spekulatif yang berlaku sekarang ke atas pusat kewangan terulung Asia, iaitu Hong Kong, seharusnya melenyapkan pengkritik Dr Mahathir.

"(Hampir) semua orang mengkritiknya (Dr Mahathir) tetapi tiada siapapun berani berkata beliau tidak betul," kata seorang penganalisis.

Hong Kong, dalam usaha mempertahankan kadar dollar Hong Kong-AS, membiarkan kadar faedah melambung. Ini menyebabkan kejatuhan 10.4 peratus pada pasaran sahamnya Khamis lalu.

Langkah terbabit juga menggegarkan seluruh rantau ini serta meninggalkan kesan ke atas bursa saham Eropah dan Amerika Syarikat, termasuk kejatuhan 132 mata di Wall Street pada Isnin.

Pasaran Hong Kong pulih Khamis lalu tetapi kejatuhan sekali lagi pada Isnin mencetuskan kejatuhan terbesar, iaitu sebanyak 554.26 dalam sejarah Wall Street kepada 7,161.15 mata dan kesannya menggegarkan bursa saham di seluruh dunia termasuk Jepun.

"Jika kejatuhan berlaku lagi pada Indeks Dow Jones, mereka akan menyuarakan rasa tidak senang terhadap `syarikat pelaburan besar' yang memulakan semua ini," kata seorang penganalisis lain.

Seorang lagi penganalisis berkata, serangan terbaru terhadap pasaran Hong Kong seharusnya menyedarkan orang ramai spekulator tidak akan berpuas hati sehinggalah hasrat mereka tercapai.

Sungguhpun Dr Mahathir melahirkan kebimbangannya terhadap `penyangak spekulator', beliau dikecam oleh media asing.

(END)